

25 APR 1998
Sukma-Penutup
DR MAHATHIR RASMI PENUTUP SUKMA KE-7

SHAH ALAM, 25 April (Bernama) -- Edisi ketujuh Sukan Malaysia (Sukma) akan menutup tirainya esok dan perasmiannya disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Acara penutup Sukma kali ini akan mempunyai kelainan berbanding temasya-temasya yang lepas.

Menurut pengarah operasi Sukma ke-7 Ch'ng Toh Eng, upacara penutup akan dijalankan di dua buah stadium iaitu di Stadium Tertutup dan Stadium Utama Shah Alam.

Antara perkara yang akan berlangsung ialah penyerahan bendera kepada tuan rumah akan datang, Pulau Pinang dan juga upacara memadamkan obor kejohanan.

Ch'ng berkata walaupun obor bernyala di Stadium Shah Alam tetapi proses pemadamannya akan dilakukan dari stadium tertutup. Ia akan dipancarkan melalui papan mata di stadium tertutup itu.

Satu television litar tertutup akan disediakan di luar stadium tertutup itu bagi membolehkan orang ramai melihat secara langsung upacara yang bakal dilangsung.

Detik kemuncak ialah pengumuman Johan keseluruhan, Olahragawan dan Olahragawati Sukma ke-7 yang akan diumumkan oleh Dr Mahathir. Pemenang akan menerima piala kemenangan masing-masing.

Atlit dari sukan renang disebut-sebut sebagai bakal pemenang anugerah atlit terbaik sementara Johan Keseluruhan sudah pasti menjadi milik tuan rumah, Selangor.

Selesai upacara penutup, satu mini konsert akan diadakan yang dihoskan oleh penyanyi Siti Nurhaliza.

Ini merupakan kali kedua upacara penutup Sukma dirasmikan oleh Perdana Menteri. Yang pertama ialah pada Sukma ke-3 di Kuching, Sarawak pada 1990.

-- BERNAMA

AHA AKD